

07/02/2004

Misi Pak Lah `bersihkan' Umno

Jamhariah Jaafar

SELEPAS mengalami tamparan hebat pada Pilihan Raya Umum 1999 akibat krisis politik yang sekali lagi hampir memecahbelahkan Umno, parti politik terunggul Melayu ini bukan saja berjaya mengukuhkan kembali jati diri, tapi kehadiran kepemimpinan tertinggi baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, diharap dapat mengikis imej negatif yang terpalit di dahi.

Sebelum mengambil alih kepemimpinan parti sebagai pemangku Presiden lagi, Abdullah, melancarkan usahanya untuk mengukuhkan kembali Umno mulai dari akar umbi, apabila membubarkan semua jawatankuasa bahagian dan melantik jawatankuasa penaja.

Beberapa pemimpin bahagian turut digugur bagi membolehkan pucuk pimpinan menyusun semula pentadbiran Umno pada peringkat akar umbi dengan lebih berhati-hati bagi menebus kekecewaan pada pilihan raya umum lalu.

Seperti biasa, perubahan yang dicipta pasti mencetus pelbagai perasaan tidak puas hati. Justeru, sebaik saja menerima tanggungjawab sebagai pemangku Presiden, mesej pertama Abdullah kepada semua pemimpin dan ahli Umno yang tidak berpuas hati dengan pelantikan ketua penaja Umno bahagian baru ialah menghentikan perbalahan dan akur dengan keputusan pucuk pimpinan parti.

"Saya nasihatkan mereka tidak usah bergaduh kerana pelantikan sudah dibuat pada peringkat kepemimpinan selepas diberi perhatian dan dipertimbangkan dalam pelbagai aspek. Yang penting terimalah pelantikan itu dan berilah kerjasama kerana kita akan menghadapi pilihan raya.

"Yang bertanding adalah parti kita. Jangan fikir hal yang berkaitan individu. Dalam parti ia (individu) sepatutnya dikemudikan," kata Perdana Menteri kelima Malaysia itu.

Ramai ahli Umno terutama yang sudah muak dengan kerenah pemimpin yang tidak berkualiti, mengalu-alukan mesej tegas dan lantang Abdullah itu.

Impian mereka hanya satu iaitu mengembalikan imej dan maruah Umno, sebagai parti terunggul Melayu yang berwibawa, bukan terus disulami pelbagai tohmahan dan agenda tidak sihat yang sejak sekian lama berleluasa di kalangan anggota parti itu.

Antara yang memuji sikap tegas Abdullah itu ialah bekas Timbalan Presiden Umno dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, yang walaupun terus enggan membabitkan diri secara langsung dalam hal ehwal Umno, tetap mengikuti perkembangan parti dengan penuh minat.

"Sesiapa saja mengambil alih pucuk pimpinan peringkat tertinggi sebagai Presiden, memang seharusnya mengingatkan dan memberi amaran kepada ahli parti, bahawa amalan politik tidak sihat yang begitu serius dalam Umno akan membawa kesan amat buruk kepada parti sendiri.

"Apa yang berlaku selama ini amat serius, terutama membabitkan pemilihan pemimpin yang sebenarnya tidak `berkelayakan' tapi lebih kepada wang dan amalan tidak sihat," katanya ketika dihubungi Berita Harian.

Musa yang juga terkenal dengan sikap diplomatik dan bertolak ansur ketika zaman kegemilangannya di gelanggang politik, berkata gaya straight talk (berterus terang) yang digunakan Abdullah adalah yang terbaik bagi Umno kerana subjek yang ingin disampaikan amat penting dan ia demi kepentingan anggota Umno sendiri.

Bagaimanapun, katanya, Abdullah akan menghadapi laluan amat sukar terutama dalam usahanya untuk membersihkan imej Umno terutama membabitkan politik wang dan agenda peribadi yang dimiliki segelintir ahli Umno.

"Nak kata Abdullah boleh benar-benar membersihkan politik wang dalam

tempoh yang singkat, saya fikir ia tidak realistik kerana kita tahu pada zaman pembangunan, lebih-lebih lagi zaman orang Melayu sudah memiliki harta sendiri (berbanding zaman dulu), realitinya ialah wang memainkan peranan penting.

"Tapi apa yang perlu ialah Abdullah membendung sistem ini dan saya lihat pada akhir-akhir pentadbiran (Tun) Dr Mahathir (Mohamad), pucuk pimpinan Umno sudah mengambil pelbagai tindakan disiplin dan ada juga ahli parti yang terpaksa dikeluarkan kerana politik wang.

"Justeru, saya yakin tindakan ini bukan saja diteruskan oleh pentadbiran Abdullah tapi diperhebatkan dan dilaksanakan tanpa mengira status atau fakta politik, supaya ahli parti dan rakyat akan mempercayai dan menerima kredibiliti pucuk pimpinan 'apa yang dikata akan ditunaikan'," katanya.

Sementara itu, bagi peringkat kepemimpinan negeri pula mengaku perubahan dan pembersihan imej Umno yang ingin dibawa Abdullah amat penting terutama dalam mengembalikan kewibawaan Umno.

Menteri Besar Johor, Datuk Ghani Othman, berkata pemulihan imej Umno sebenarnya bukan saja menjadi tanggungjawab Abdullah, bahkan seluruh ahli Umno.

"Kita yakin komitmen, iltizam serta kekuatan dimiliki Perdana Menteri mampu membawa perubahan ke arah Umno yang lebih cemerlang.

"Eloklah kita sama-sama bertanggungjawab membantu usaha serta cara dan pendekatan pemangku Presiden ke arah itu. Kita percaya Perdana Menteri menyedari untuk Umno kekal mendapat sokongan rakyat Melayu, Umno hendaklah terpelihara dari segi perjuangan yang luhur dan parti yang kukuh demi membentuk imej untuk keyakinan dan sokongan rakyat," katanya.

Golongan muda turut berharap kepemimpinan Abdullah membawa cahaya baru kepada mereka kerana sudah tiba masanya pelapis mula menerima tanggungjawab lebih besar dalam mencorak pemikiran Melayu masa kini.

Anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno, Ismail Sabri, berkata imej Mr Clean Abdullah sudah pasti dijadikan landasan untuk pemilihan barisan kepemimpinan Umno pada masa depan.

"Pemuda Umno yakin sudah tiba masanya bagi pentadbiran Umno mengorak langkah ke arah imej yang lebih dinamik," katanya.

Justeru, mesej tegas Abdullah ketika pertama kali mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 7 November lalu, iaitu supaya tidak lagi wujud politik sesama ahli parti, sebaliknya mengutamakan muafakat dan kerjasama kukuh antara mereka; patut dijadikan teras Umno bagi mengembalikan kegemilangan bangsa Melayu pada alaf baru ini.